

Masa depan lulusan² vokesyenal, teknik cemerlang —Mahathir

U.M. 13 JAN 1975

PELUANG masa depan pelajar-pelajar lulusan sekolah vokesyenal dan teknik sama cemerlangnya dengan lulusan sekolah menengah yang ada di negara ini, kata Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya matapelajaran yang diberi di sekolah-sekolah tersebut begitu luas meliputi bidang elektrik, kimpalan (welding), pendinginan, kajisawat motor dan berbagai-bagai lagi.

Pekerja-pekerja mahir dalam bidang-bidang tersebut sangat diperlukan oleh sektor swasta.

Bellau menyatakan ini kepada para pemberita selepas melawat sekolah Vokesyenal dan Sekolah Menengah Teknik di sini hari ini.

Dr. Mahathir kurang puashati fahaman dan anggapan bilangan ibubapa dan para pelajar yang dipilih masuk ke sekolah-sekolah tersebut.

Katanya tujuan kerajaan membuka banyak sekolah-sekolah tersebut ialah hendak melahirkan lebih ramai tenaga-tenaga mahir di kalangan kaum Bumiputera.

Peluang masa depan pelajar-pelajar yang luas dari seko-

**ALOR SETAR
12 JAN.**

lah-sekolah tersebut adalah sama cemerlangnya dengan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah yang melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti.

Bellau mengarahkan para pengetua sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik supaya memanggil dan berbincang dengan para ibubapa dan pelajar mengenai kursus-kursus yang terdapat di sekolah-sekolah tersebut serta peluang-peluang yang tidak ketinggalan.

Bellau mengingatkan bahawa kejayaan hidup tidak saja boleh dicapai oleh mereka yang pergi ke universiti-universiti untuk pengetahuan akademik, tetapi juga boleh dicapai melalui kemahiran sesuatu bidang tertentu yang terdapat di sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik.